

06 JUL 1999

Mahathir-MSK

IAP MENILAI SEMULA KEMAJUAN MSC, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata mesyuarat ketiga Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) Khamis ini akan menilai semula kemajuan projek MSC.

"Sesi dialog, pertemuan satu-dengan-satu, seminar, sesi meja bulat, persidangan, lawatan dan rangkaian menyeluruh menyatakan dengan jelas bahawa MSC telah menarik perhatian dan tentu sahaja imaginasi usahawan teknologi maklumat global," katanya.

Syarikat-syarikat yang merebut tawaran dalam projek MSC akan mewujudkan nilai bagi diri mereka di dalam satu persekitaran unik yang bersesuaian dengan keperluan mereka, kata Dr Mahathir ketika melancarkan Siemens Future@b, sebuah makmal multimedia yang canggih, di Menara Berkembar Petronas di sini.

Mesyuarat IAP selama tiga hari itu, yang diadakan di Cyberjaya, kira-kira 40km selatan dari sini, akan dirasmikan oleh Dr Mahathir, yang juga pengerusi IAP.

IAP, yang terdiri daripada cerdik pandai dan pemimpin di dalam industri multimedia, dibentuk untuk menasihatkan kerajaan mengenai MSC, sebuah kawasan meliputi 750 km persegi, dari Kuala Lumpur City Centre ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang.

MSC merupakan pusat bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat MSC akan membantu mencorakkan Malaysia dan rantau ini selain menyumbang ke arah peranan mereka sendiri di dalam era maklumat.

"Apa yang dipelajari dan diuji oleh syarikat-syarikat itu di MSC akan membantu menyediakan mereka di dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi ketika menggunakan teknologi dan kepakaran mereka di seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata MSC menawarkan banyak peluang bagi syarikat-syarikat untuk menerokai teknologi multimedia sehingga ke had maksimum.

"Ia merupakan ujian yang paling menyeluruh yang direka bagi tujuan inovasi dan pengujian teknologi dan aplikasi mereka di dalam era maklumat," katanya.

Beliau berkata Malaysia bangga dengan kehadiran syarikat Jerman, Siemens yang memainkan peranan penting di dalam MSC.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah bertungkus lumus dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memanfaatkan kuasa teknologi maklumat.

"Kerajaan percaya bahawa syarikat asing seperti Siemens akan dapat menguji semua idea mereka berkaitan aplikasi IT bukan sahaja tanpa halangan, tetapi juga dengan bantuan daripada segi kos, infrastruktur dan dasar-dasar kerajaan," katanya.

Beliau berkata Siemens boleh membantu Malaysia menjadi pereka bentuk produk dan bukan sekadar pemasang produk.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah menyediakan tapak, infrastruktur fizikal, insentif fiskal dan perundangan daripada segi undang-undang siber dan tenaga kerja yang bertekad dan berdisiplin.

"Bagaimanapun, kita kekurangan teknologi yang diperlukan untuk menjadi agen pembaharuan bagi kandungan dan aplikasi multimedia," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan pembabitan yang aktif di dalam MSC, Siemens

boleh berkongsi kepakaran teknologi mereka dengan syarikat-syarikat Malaysia bagi faedah bersama.

"Siemens boleh membantu kita mewujudkan dan membangunkan aplikasi yang serasi dengan pelbagai budaya di Asia. Menerusi MSC, Siemens boleh juga membantu syarikat tempatan untuk meningkatkan program penyelidikan dan pembangunan mereka," katanya.

-- BERNAMA

ES AKD